

Integriti Pensyarah Dalam Pentaksiran Rubrik Perbincangan Berkumpulan Matematik Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

Asiahwati Awi

Muhamad Nizam @ Abdul Hafiz Hilmi

Lim Ai Hui

Md Rodhi Md Rejab

Unit Matematik, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

asiahwati.matrik@Igovuc.gov.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap integriti pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran rubrik perbincangan berkumpulan Matematik bagi pelajar sistem dua semester Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melaksanakan pengumpulan data dalam dua kaedah. Kaedah pertama melibatkan empat orang pensyarah menilai perbincangan pelajar dengan menggunakan borang pemarkahan mengikut rubrik perbincangan berkumpulan. Data dianalisis dengan mengambil nilai min dan sisihan piawai. Kaedah kedua pula ialah soal selidik yang mempunyai 9 item melibatkan semua (18) pensyarah yang mengajar pelajar sistem dua semester. Data dianalisis dengan mengambil nilai kekerapan, peratus dan min. Dapatan pertama menunjukkan tahap perbezaan dalam pentaksiran rubrik perbincangan berkumpulan matematik adalah kecil. Dapatan kedua menunjukkan tahap pemahaman dalam pentaksiran rubrik perbincangan berkumpulan matematik adalah tinggi dengan boxplot pencong ke kanan. Manakala dapatan ketiga menunjukkan tahap sifat berintegriti dalam pentaksiran rubrik perbincangan berkumpulan matematik adalah tinggi. Secara kesimpulannya, kajian menunjukkan sememangnya integriti pensyarah dalam pentaksiran rubrik perbincangan berkumpulan matematik adalah tinggi. Implikasinya, tahap integriti yang tinggi akan menjurus kepada pemarkahan penilaian berterusan yang tepat dan dipercayai.

Kata Kunci: *integriti, rubrik perbincangan berkumpulan, perbezaan dalam pentaksiran, pemahaman dalam pentaksiran, sifat berintegriti dalam pentaksiran*